



Buletin Pentababiran

<http://www.kuim.edu.my>

Bil:01 Ogos 2006

Sambutan Bulan Kemerdekaan - Pg 4

**Program Taklimat Peluang
Melanjutkan Pengajian - Pg 6**



**Peruntukan Kemudahan
Untuk Kakitangan Kuim - Pg 10**

**Senarai Fungsi Bahagian
Sumber Manusia (Perkhidmatan) - Pg 15**



Buletin Pentabiru

Bil:01 Ogos 2006

ht

Sambutan Bulan Kemerdekaan - Pg 4

**Program Taklimat Peluang
Melanjutkan Pengajian - Pg 6**



**Peruntukan Kemudahan
Untuk Kakitangan Kuim**

**Senarai Fungsi Bahagian
Sumber Manusia (Perkhi**

SECALIT TINTA SEULAS KATA



*A*ssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama dan selamanya ingin saya memanjangkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya Buletin Pentadbiran ini dapat diterbitkan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Sidang Editor Buletin Pentadbiran yang telah berjaya dalam mendokumentasikan serta menerbitkan pelbagai maklumat yang bermanfaat untuk warga KUIM. Sesungguhnya, buletin ini akan menjadi sumber dan wadah dalam menyampaikan informasi dan berita terkini mengenai hal ehwal pentadbiran seperti perlantikan kakitangan, fungsi unit-unit, aktiviti-aktiviti dijalankan dan sebagainya yang dijalankan dibawah Jabatan Pendaftar.

Buletin ini juga memaparkan peristiwa-peristiwa, latihan-latihan yang telah dan akan dijalankan khusus bagi warga KUIM bagi memenuhi wawasan negara dalam membangunkan modal insan yang berwibawa. Ianya merupakan satu inisiatif dan usaha berterusan dalam menjadikan perkhidmatan dan pentadbiran pengurusan KUIM agar lebih mantap dan cemerlang.

Akhir kata dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru semua warga KUIM agar terus meningkatkan kemahiran dan kepakaran pengurusan bagi menjamin pengurusan yang terbaik dan mendukung amanah yang diberikan bagi mencapai misi dan visi universiti.

Sekian. Salam Hormat

Hammad Farhi Mohd Saudi
Timbalan Pendaftar Bahagian Sumber Manusia
Kolej Universiti Islam Malaysia

SIDANG EDITOR

Penaung

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor KUIM

Penasihat

Tn. Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
Pendaftar

Pengerusi

En. Hammad Farhi Mohd Saudi
Timbalan Pendaftar (Bahagian Sumber Manusia)

Ketua Editor

En. Mohd Asri Hj. Husain
Penolong Pendaftar Kanan (Cuti Belajar)

Editor

Cik Zaharah Zainal Abidin
Penolong Pendaftar (Latihan)

Ahli Jawatankuasa

En. Ahmad Kamal Mustafa
Penolong Pendaftar (Bahagian Pentadbiran Am)

En. Mohammad Tahir Zainuddin
Penolong Pendaftar (Bahagian Kenderaan)

Cik Norhayati Adam
Penolong Pendaftar BSM (Perjawatan)

Pn. Suriyati Ismail
Penolong Pendaftar BSM (Perkhidmatan)

Pn. Zurina Mad Saad
Penolong Pendaftar (Undang-undang dan
Tatatertib)

En. Muhammad Rahmat Abdullah
Penolong Pendaftar (Bahagian Pengurusan dan
Keselamatan)

Pn. Arhaida Abdul Rahman
Penolong Pendaftar BSM (Perkhidmatan)

Pn. Mazlina Mohamed Tamjid
Penolong Pendaftar BSM (Perjawatan)

YM Tunku Nazruddin Tunku Yahaya
Penolong Pendaftar BPSM (Kompetensi)

JABATAN PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
BANDAR BARU NILAI
71800 NILAI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
Tel : +606-798 8000
Faks : +606-798 8050

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN



Bersempena dengan sambutan kemerdekaan yang ke 49, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menganjurkan beberapa aktiviti dalam usaha menyemarakkan bulan kemerdekaan. Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 49 Peringkat Universiti telah diadakan pada 17 Ogos 2006 bertempat di Perkarangan Pusat Khidmat Pelajar. Sebanyak 17 kontingen telah mengambil bahagian dalam perbarisan bersempena dengan majlis pelancaran ini. Disamping perbarisan kontingen dari setiap Jabatan, Bahagian, Fakulti, dan Perwakilan Pelajar, majlis turut diserikan lagi dengan bacaan puisi oleh kakitangan dan pelajar yang mana ianya telah diwakili oleh En. Salehudin Sukor dari Jabatan Canselori. Pihak pengurusan tertinggi KUIM juga mengambil kesempatan untuk melekatkan Jalur Gemilang pada kenderaan KUIM. Selain itu, pelbagai acara dan aktiviti telah diatur dan akan dijalankan sepanjang bulan kemerdekaan ini. Antara aktiviti tersebut adalah seperti berikut :



ACARA	TARIKH	TEMPAT	PENGLIBATAN
• Majlis Pelancaran Sambutan Kemerdekaan Peringkat Universiti	17 Ogos 2006	Perkarangan Pusat Kemudahan	Pelajar Kakitangan dan Pelajar Kakitangan
• Festival Lagu Patriotik	2 September 2006	Dewan Kuliah Pusat I	Kakitangan dan Pelajar
• Ceramah Kemerdekaan	6 September 2006	Dewan Kuliah Pusat I	Kakitangan dan Pelajar
• Karnival Rakyat Merdeka (Sukan Tradisional)	9 September 2006	Dewan Kuliah Pusat	Kakitangan dan Pelajar
• Sambutan Penutup Bulan Kemerdekaan	15 September 2006	Kolej Kediaman Sutera Indah	Kakitangan dan Pelajar

Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Pendaftar

Jabatan Pendaftar KUIM telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan pada 6 April 2006 (Khamis) bertempat di lobi Pusat Teknologi Maklumat Majlis ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Antara objektif Hari Bersama Pelanggan ini adalah untuk membantu pelanggan Jabatan Pendaftar samada kakitangan Universiti, pelajar mahupun pihak awam mendapatkan informasi serta mendapatkan perkhidmatan secara terus daripada pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam perkara-perkara berkaitan Jabatan ini.

Majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah kepada pelanggan yang bertuah. Antara kaunter yang mendapat sambutan meriah ialah kaunter pemeriksaan kesihatan dari Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan KUIM dimana pelanggan boleh melakukan pemeriksaan kadar gula dan kolesterol dalam darah secara percuma.

Hari bersama pelanggan ini di adakan secara berperingkat dari setiap jabatan bermula dari Unit Perhubungan Awam, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Jabatan-Jabatan lain di KUIM.




TAZKIRAH SYAHRIYYAH



Unit Latihan mengadakan Tazkirah Syahriyyah sebagai salah satu program bulanan KUIM. Tazkirah ini diadakan bagi memberi pengisian bermanfaat kepada semua kakitangan KUIM. Program sebegini walaupun diadakan dalam jangkamasa yang singkat namun ianya dapat membina silaturrahim dikalangan kakitangan yang hadir.

Program Taklimat Peluang Melanjutkan Pengajian untuk Kakitangan Akademik Universiti



"Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kakitangan akademik yang sedang mencari tempat bagi melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sarjana atau PhD di luar negara".

Unit Cuti Belajar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah mengambil inisiatif menganjurkan beberapa siri Taklimat Peluang Melanjutkan Pengajian untuk kakitangan akademik Universiti ini dengan kerjasama pihak fakulti-fakulti. Sehingga kini, KUIM mempunyai seramai 78 orang kakitangan yang sedang dan akan bercuti belajar sama ada dalam atau di luar Negara. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kakitangan akademik yang sedang mencari tempat bagi melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sarjana atau PhD di luar negara khususnya di United Kingdom, Australia, New Zealand dan sebagainya.

Langkah pro-aktif ini diambil sebagai menyahut seruan Kerajaan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 billion bagi menaja pensyarah melanjutkan pengajian. Objektifnya adalah untuk memastikan sasaran 60% pensyarah di Universiti Awam mempunyai PhD menjelang tahun 2010. Sehubungan itu, dalam tempoh Januari hingga Julai 2006, sebanyak program telah diadakan. Program-program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang. Ringkasan program adalah seperti jadual di bawah.

Program	Tarikh	Anjuran
Taklimat Melanjutkan Pengajian di Universiti United Kingdom	9 Januari 2006 (Khamis) Dewan Kuliah Pusat - 2.30 ptg	Unit Cuti Belajar dan (MABECS) Sdn. Bhd
Taklimat Melanjutkan Pengajian di Universiti Bristol, United Kingdom	27 Mac 2006 (Isnin) Bilik Mesy. Utama, FSU - 2.30 ptg	Unit Cuti Belajar dengan kerjasama FSU
Taklimat Melanjutkan Pengajian di Universiti Glasgow, United Kingdom	23 Mac 2006 (Khamis) Bilik Mesy. Dekan, FEM - 3.00 ptg	Unit Cuti Belajar dengan kerjasama FEM
Taklimat Melanjutkan Pengajian di Universiti Sheffield, United Kingdom	20 Jun 2006 (Rabu) Bilik Mesy. Utama, FPSK - 10.00 pg	Unit Cuti Belajar dengan kerjasama FSU
Taklimat Melanjutkan Pengajian di Universiti New Zealand	29 Jun 2006 (Khamis) Bilik Mesy. Utama, FKP - 10.00 pg	Unit Cuti Belajar dengan kerjsama FPBU dan SELSET New Zealand Centre Sdn. Bhd
Taklimat Melanjutkan Pengajian di United Kingdom	18 Julai 2006 (Selasa) Bilik Mesy. Utama, FSU - 11.00 pg	Unit Cuti Belajar dengan kerjasama PPU dan (MABECS) Sdn. Bhd

Sesi Ta'aruf Kakitangan Baru Kuim



Atas inisiatif Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, satu Sesi Ta'aruf Kakitangan Baru KUIM telah diadakan pada 7 Jun 2006 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FKP. Sesi ini antara lain telah memberi penerangan ringkas tentang latar belakang KUIM dan juga bagi menyampaikan maklumat-maklumat penting seperti kemajuan kerjaya mereka di KUIM nanti dengan adanya Peperiksaan PTK. Juga disampaikan

maklumat-maklumat umum Universiti seperti Pengurusan Tertinggi, sumber manusia yang merangkumi cuti, pengesahan jawatan, pemilihan klinik panel dan sebagainya. Unit Latihan juga mengambil kesempatan untuk mengingatkan kakitangan baru ini tentang kepentingan latihan kepada kakitangan dan juga perkembangan kerjaya mereka.

TRAINING FOR TRAINER (TOT)

Kursus ini telah diadakan di Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang selama 3 hari 2 malam dan ianya telah dihadiri oleh 25 orang kakitangan dari pelbagai peringkat termasuk Pensyarah, kumpulan P&P dan juga sokongan. Sepanjang kursus ini para peserta telah didedahkan asas untuk menjadi jurulatih dan juga fasilitator yang berkesan. Banyak aktiviti yang telah dijalankan secara praktikal bagi menyediakan diri dengan ketahanan mental dan juga fizikal.



KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD 2006



Kursus ini telah diadakan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia bermula pada 14-16 Mac 2006. Kursus ini telah disertai oleh seramai 45 orang kakitangan KUIM dari kumpulan P&P dan Sokongan. Kursus ini telah mendedahkan kepada para peserta tentang kaedah penyelenggaraan fail yang sebenar mengikut jenis-jenis fail yang tertentu.



KURSUS KECEMERLANGAN DIRI

Kursus yang telah dihadiri oleh 50 orang kakitangan sokongan ini telah diadakan selama 3 hari 2 malam pada 19-21 Mei 2006 bertempat di Pusat Latihan BSN, Bangi. Kursus ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh En. Abdul Halim Mohd Husin, Pensyarah FKP dibantu oleh penceramah undangan yang lain seperti Pn. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Pensyarah FSU dan Pn. Nurhazreen Md Nor, Kaunselor KUIM. Kursus ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk membentuk sahsiah kakitangan disamping membina jati diri supaya lebih bermotivasi dalam menjalani tugas seharian. Kursus ini juga diselitkan dengan kaedah dan cara untuk mengatasi stress dengan berkesan.



KURSUS RENTASAN BENUA DUA DUNIA



Kursus ini telah diadakan pada 14 dan 16 Februari 2006 yang mana kumpulan sasaran kursus ini adalah kakitangan akademik bukan warganegara. Kursus ini memberi penerangan tentang pelbagai informasi yang perlu diketahui oleh mereka. Unit Latihan telah menjemput pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk memberi penerangan tentang undang-undang yang perlu diketahui oleh mereka di samping Tuan Pendaftar sendiri memberi penerangan berkaitan dengan perkhidmatan mereka di KUIM. Para peserta juga telah dibawa untuk mengenali lebih dekat lagi budaya masyarakat Malaysia dengan menyertai program di Kampung Pelegong Homestay, Labu, Negeri Sembilan.



OPERASI PEMERIKSAAN PELEKAT KENDERAAN UNIVERSITI

Pada 3 Ogos 2006 yang lalu, Bahagian Keselamatan telah menjalankan operasi pemeriksaan pelekat kenderaan Universiti bagi semua kakitangan dan pelajar KUIM. Operasi bermula pada jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 8.30 pagi. Operasi pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan kakitangan dan pelajar KUIM mematuhi peraturan dengan melekat pelekat kenderaan Universiti di kenderaan masing-masing. Hasil daripada operasi yang

dijalankan terdapat segelintir kakitangan dan pelajar KUIM masih lagi tidak mempunyai pelekat kenderaan Universiti.

Pihak Bahagian Keselamatan berharap agar kakitangan dan pelajar KUIM yang masih tidak mempunyai pelekat kenderaan Universiti, mendapatkannya di Bahagian Keselamatan berharga RM 2 dengan kadar segera sebelum operasi yang sama diadakan pada masa akan datang.

Kursus Kemahiran Penyeliaan Dan Pengendalian Pekerja Bermasalah



Unit Latihan buat julung kalinya telah melaksanakan kursus ini yang telah diadakan pada 2 - 3 Ogos 2006 baru-baru ini bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FKP. Kursus ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, En. Hammad Farhi Mohd Saudi.

Kursus yang dihadiri oleh 50 orang kakitangan yang terdiri dari Penolong Pendaftar, Penolong Bendahari, Pustakawan, Pegawai Belia dan Sukan, Penolong Pegawai Tadbir dan Ketua Kerani ini telah berjaya mencapai objektif yang dirancang iaitu untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran tentang pelbagai kaedah

dan pendekatan yang boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah yang sering ditimbulkan oleh kakitangan dibawah seliaan masing-masing.

Penceramah yang diundang khas dari iaitu En. Abdul Jalil Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Psikologi dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Tn. Hj. Mohd. Noor, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Dasar Sumber Manusia dari Kementerian Sumber Manusia berjaya menghidupkan suasana dan memberi input yang boleh dimanfaatkan oleh semua peserta yang hadir.

PERUNTUKAN KEMUDAHAN UNTUK KAKITANGAN KUIM

Bil.	Perkara	Peruntukan	Kemudahan	Catatan
1.	PERUBATAN			
	i. Surat Jaminan Perubatan kakitangan			
	ii. Peruntukan Rawatan Panel	RM 40.00	Seorang	Sekali Rawatan
	iii. Peruntukan Rawatan Pergigian	RM 200.00	Sekeluarga	Setahun
2.	PASPORT	RM 300.00	Kakitangan	3 Tahun Sekali
3.	ELAUN PAKAIAN PANAS	RM 1,500.00	Kakitangan	3 Tahun Sekali
4.	ELAUN PAKAIAN ISTIADAT/BOW-TIE	RM 750.00	Kakitangan	3 Tahun Sekali
5.	BLAZER			
	i. Pegawai	RM 430.00	Kakitangan	
	ii. Sokongan	RM 315.00	Kakitangan	

Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK-3) Kakitangan Akademik Tahun 2006

Unit Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar buat julung-julung kalinya menganjurkan Kursus PTK-3 bagi kakitangan akademik. Kursus ini telah diadakan pada 21 hingga 28 Mei di Hotel Century Mahkota, Melaka melibatkan seramai 19 orang pensyarah dari pelbagai fakulti. Manakala sesi 'Micro-teaching' pula telah diadakan di Bilik Tayangan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) pada 12 Jun 2006.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan penerapan ciri-ciri terpuji. Selain itu, bagi membolehkan pengiktirafan diberikan kepada anggota cemerlang melalui anjakan gaji dan kemajuan kerjaya mereka.

Antara topik yang dibincangkan dalam kursus ini meliputi Pengurusan Akademik, Pengurusan Kewangan, Kaunseling, Penyelidikan Kuantitatif Dan Kualitatif, Pengukuran Dan Penilaian, Penulisan Akademik, Kemahiran Penyeliaan Pelajar, Komunikasi, Kaedah Pengajaran Kumpulan Kecil, Kaedah Pengajaran Kumpulan Besar, Nilai Dan Etika Profesional dan juga 'Micro-Teaching' sebagai penilaian akhir untuk para peserta.

FUNGSI BAHAGIAN KENDERAAN

Bahagian Kenderaan diterajui oleh En. Mohammad Tahir Zainuddin, Penolong Pendaftar dan dibantu oleh dua orang Pembantu Tadbir. Bahagian Kenderaan berperanan dalam hal-ehwal penyediaan perkhidmatan pengangkutan untuk staf dan para pelajar. Sehingga kini terdapat sebanyak 51 buah kenderaan universiti yang diuruskan oleh Bahagian Kenderaan. Ini meliputi bas, kereta, van, lori, ambulans, kenderaan pacuan 4 roda serta motosikal. Perkhidmatan yang disediakan meliputi urusan kuliah harian, pengangkutan ke pelbagai program dan aktiviti staf serta para pelajar universiti. Selain urusan pengangkutan di kampus induk KUIM, Bahagian Kenderaan juga sentiasa peka akan keperluan semasa di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan KUIM di Pandan Indah, Kuala Lumpur. Untuk itu, sebuah bas dan sebuah van diletakkan secara sepenuh masa di Kampus Kuala Lumpur sebagai memenuhi keperluan semasa. Pada masa kini, Bahagian Kenderaan menyelia 28 orang pemandu kenderaan yang meliputi pemandu khas, pemandu ambulans, pemandu kenderaan kecil dan pemandu bas serta lori. Selain itu, seorang pemandu kenderaan, iaitu En. Azmani bin Abdullah kini dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri bagi menjalankan tugas sebagai pemandu khas Y.A.B Dato' Dr. Abdullah bin Mohd Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

KURSUS 'ENGLISH FOR SECRETARY'

Kursus Bahasa Inggeris untuk semua Setiausaha KUIM telah diadakan bermula pada Mac sehingga bulan Jun 2006. Kursus ini telah dijalankan secara kerjasama dengan Unit Bahasa Inggeris yang diketuai oleh Mr. Abd. Karim Abdullah @ Leslie Terebessy. Semua setiausaha telah diberi latihan dan tunjuk ajar bagaimana untuk menggunakan Bahasa Inggeris yang efektif dalam menjalankan tugas seharian. Tenaga pengajar sepanjang kursus ini adalah Pn. Kartini Mohd Amin, Guru Bahasa, Unit Bahasa Inggeris.

KURSUS PEMANDUAN BERHEMAH



Kursus yang telah dihadiri oleh semua Pemandu dan juga Pembantu Am Rendah KUIM ini telah diadakan pada 9 Mac 2006. Para penceramah yang hadir adalah dari Polis Diraja Malaysia (Bahagian Trafik) dan juga PUSPA-KOM. Semua peserta dapat memberi sepenuh perhatian dan memberi pandangan mereka dalam isu berkaitan undang-undang jalanraya dan juga kesalahan trafik yang sering dilakukan oleh pemandu.

KURSUS ASAS KOMUNIKASI ORGANISASI DAN PENGURUSAN KAUNTER PEJABAT

Kursus selama satu hari ini diadakan pada 15 Februari 2006 dan telah dikendalikan oleh Pn. Selvarani A/P P. Kovil Pillai, Pensyarah FKP. Sasaran kursus terdiri daripada pembantu tadbir dan juga kakitangan sokongan lain yang terlibat dalam pengendalian kaunter pejabat. Sepanjang kursus ini berlangsung, semua peserta telah didedahkan dengan kemahiran komunikasi dan asas pengendalian kaunter yang berkesan.



Perhimpunan Bulanan Kakitangan Kuim



Acara perhimpunan bulanan kakitangan KUIM diadakan bagi menyampaikan amanat daripada Rektor KUIM, Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husain berkaitan dengan perkara penting yang perlu diberi peringatan dan juga isu-isu semasa yang perlu diberi perhatian. Perhimpunan ini menyaksikan semua Jabatan dan Fakulti berkumpul beramai-ramai bagi menyempurnakan acara dengan menyanyikan beberapa lagu seperti lagu Negaraku dan lagu KUIM diikuti bacaan Ikrar Integriti Kakitangan Awam sebelum mendengar ucapan Dato' Rektor.



TATAKELAKUAN BAGI KAKITANGAN KUIM

Seseorang pegawai (termasuk semua kakitangan yang bekerja di KUIM tanpa mengira pangkat dan gred) tidak boleh melanggar tatakelakuan yang terkandung di dalam Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Sebarang pelanggaran yang dilakukan akan membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadapnya. Tatakelakuan yang dimaksudkan itu dan contoh perbuatan-perbuatan yang dianggap sebagai melanggar atau menyalahi tatakelakuan yang berkenaan adalah seperti berikut :-

3. (2) a. membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;

Contohnya :-

- I. Menguruskan hal-hal perniagaan atau pelaburan kepunyaan sendiri, atau isterinya, anaknya atau saudara-maranya dalam waktu pejabat;
- II. Menyebelahi dan memberi keutamaan kepada saudara-mara atau rakan-rakan atau orang yang rapat dengannya dalam menimbang sesuatu permohonan;
- III. Tidak menjalankan kewajipan rasmi seperti menyasiat gerak-geri seseorang yang karib dengannya yang disyakki pernah menerima rasuah; atau
- IV. Mengambil kesempatan untuk menguruskan hal-hal perniagaan semasa membuat lawatan rasmi di luar pejabat

b. berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;

Contohnya :-

- I. Tidak mengelakkan dirinya daripada terlalu rapat bergaul dengan mereka yang jelas akan mendapat keuntungan besar daripada mengetahui tugas-tugas rasminya;
- II. Tidak mengelakkan diri daripada menerima hadiah yang mahal-mahal daripada syarikat atau peniaga atau individu;
- III. Menguruskan hal-hal tender/sebutharga sedangkan beliau mengetahui bahawa ada di antara mereka yang mengemukakan tender/sebutharga itu adalah terdiri daripada saudara-maranya;
- IV. Memproses atau menimbang atau melulus sesuatu permohonan daripada isteri atau suami atau saudara-maranya.

Akan bersambung dalam keluaran akan datang....

TAKLIMAT PENGURUSAN TATATERTIB SIRI 1/2006



Taklimat pada 26 Januari 2006 ini dijalankan secara kerjasama dengan Unit Undang-undang dan Tatatertib yang menjemput Penasihat Undang-Undang Kementerian Pengajian Tinggi, En. Wan Jeffrey Kassim untuk menyampaikan taklimat. Ianya telah dihadiri lebih 80 orang kakitangan P&P dan juga pensyarah KUIIM. Taklimat ini telah memfokus kepada peranan dan tindakan tatertib yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan dalam menangani masalah salah laku kakitangan.



KEM PEMANTAPAN KUALITI DISIPLIN DAN PEMANTAPAN SAHSIAH DIRI

Kursus secara kerjasama anjuran Unit Latihan dan Kesatuan Kakitangan Am KUIIM (KEKUIIM) telah diadakan pada 6-8 Januari 2006 bertempat di Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka. Seramai 50 orang kakitangan sokongan KUIIM telah terlibat dalam kem yang diadakan bagi memantapkan lagi disiplin dan membentuk sahsiah diri kakitangan KUIIM.



Senarai Fungsi Bahagian Sumber Manusia (Perkhidmatan)

SENARAI TUGAS

- Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Urusan Pemberian Taraf Berpencen
- Urusan Laporan Perubahan Gaji (LPG)
Staf Akademik
 - LPG Pelantikan
 - LPG Pergerakan Gaji Tahunan
 - LPG Semakan Gaji/Pelarasan Gaji
 - LPG Pelarasan/Pemberian Elaun
 - LPG Kenaikan Pangkat
 - LPG Penamatan Perkhidmatan/ Kontrak
 - LPG Tindakan Tatatertib
 - LPG Persaraan
 - DII
- Urusan Kemaskini/Rekod Buku Perkhidmatan
Staf Akademik
- Urusan Penyambungan Perkhidmatan Lepas
- Urusan Penilaian Prestasi Tahunan
- Urusetia Anugerah - Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang dan Anugerah Khas
- Urusan Persaraan - Persaraan Wajib,
Persaraan Pilihan
- Urusan Gantian Cuti Rehat (GCR)
- Urusan Caruman Kepada Tabung Persaraan
- Urusan Imbuhan Tahunan
- Pemantauan Sistem Maklumat Kakitangan
(Munazzim)

Pegawai : Puan Arhaida
Jawatan : Penolong Pendaftar

SENARAI TUGAS

- Urusan Kemaskini/Rekod Buku Perkhidmatan
- Staf Pentadbiran
- Urusan Laporan Perubahan Gaji (LPG)
Staf Pentadbiran
 - LPG Pelantikan
 - LPG Pergerakan Gaji Tahunan
 - LPG Semakan Gaji/Pelarasan Gaji
 - LPG Pelarasan/Pemberian Elaun
 - LPG Kenaikan Pangkat
 - LPG Penamatan Perkhidmatan/Kontrak
 - LPG Tindakan Tatatertib
 - LPG Cuti Tanpa Gaji/Separuh Gaji
 - DII
- Urusan Permohonan/Penyelarasan Cuti
 - Cuti Rehat
 - Pembatalan Cuti Rehat
 - Cuti Sakit
 - Cuti Tanpa gaji
 - Cuti Separuh Gaji
 - Cuti Tanpa Rekod
 - Cuti Haji
 - DII
- Urusetia Sasaran Kerja Tahunan
- Urusan Pinjaman Perumahan
- Urusan Fail/Bilik Rekod
- Urusan Tuntutan Ex-Gratia
- Urusan Tuntutan Perkeso
- Pemantauan Sistem Maklumat Kakitangan
(Munazzim)
- Urusan Permohonan Pengesahan
Bekerja di KUIM
- Urusan Permohonan Jawatan Lain

Pegawai : Puan Arhaida
Jawatan : Penolong Pendaftar

ROLL-CALL PENGAWAL-PENGAWAL KESELAMATAN KUIM

Mulai 1 Ogos 2006, semua Pengawal Keselamatan yang bertugas mengikut syif dikehendaki berbaris dalam barisan bagi upacara roll-call yang diadakan bersebelahan Balai Pengawal sebelum bertugas ditempat yang telah ditentukan. Upacara roll-call ini diketuai oleh seorang penyelia yang dilantik oleh Pegawai Keselamatan. Bagi Pengawal Keselamatan yang bertugas pada syif A (7.00 pagi – 7.00 malam), waktu roll-call adalah pada jam 6.45 pagi. Manakala bagi Pengawal Keselamatan yang bertugas pada syif B (7.00 malam – 7.00

pagi), waktu roll-call adalah pada jam 6.45 petang.

Tujuan roll-call diadakan setiap hari sebelum waktu bertugas adalah untuk memastikan Pengawal Keselamatan yang dijadualkan bertugas hadir dan lengkap berpakaian seragam. Di samping itu roll-call yang diadakan ini mampu memupuk budaya berdisiplin serta merupakan medium terbaik untuk penyelia menyampaikan arahan atau maklumat kepada Pegawai-pengawal Keselamatan.



AKTIVITI UNIT LATIHAN SEHINGGA SEPTEMBER 2006

KURSUS / LATIHAN	TARIKH	SASARAN
Kursus Asas Keselamatan dan Kebakaran	19 Ogos, 2, 9 dan 16 September 2006	Kakitangan Keselamatan KUIM
Kursus Penyediaan Kertas Kerja dan Laporan Berkesan	5 - 6 September 2006	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)
Kursus Penyediaan Kertas Kerja dan Laporan Berkesan	7-8 September 2006	Kumpulan Sokongan
Kursus Penyediaan Memo dan Surat Rasmi Berkualiti	12-13 September 2006	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)
Kursus Penyediaan Memo dan Surat Rasmi Berkualiti	14-15 September 2006	Kumpulan Sokongan
Kursus Penulisan Minit Mesyuarat Berkualiti	19-20 September 2006	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)
Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan KUIM	15-17 September 2006	Kumpulan Akademik, Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Sokongan
Bengkel SKT (dengan kerjasama BSM - Perkhidmatan)	22 September 2006	Semua Ketua Jabatan

SENARAI FUNGSI UNIT UNDANG-UNDANG & TATATERTIB

- | BIL | SENARAI TUGAS |
|-----|---|
| 1 | PENTADBIRAN
1) Menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran. |
| 2 | TATATERTIB
1) Menguruskan tindakan dan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib.
2) Mengadakan taklimat berkaitan tatatertib. |
| 3 | STATUT
1) Menguruskan hal-hal berkaitan penggubalan sehingga penggazetan statut |
| 4 | PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)
1) Menguruskan dan mengadakan mesyuarat PIN
2) Mengumpulkan semua Laporan-laporan daripada 12 kumpulan
3) Menyediakan Laporan-Laporan untuk dihantar ke KPT |
| 5 | MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
1) Menguruskan dan mengadakan mesyuarat MBJ
2) Menghantar minit mesyuarat MBJ kepada pihak JPT |
| 6 | HAL-HAL LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PERMASALAH UNDANG-UNDANG
1) Menguruskan dan penyelesaian permasalahan yang berkaitan undang-undang yang dirujuk ke unit ini |
| 7 | PENGISYTIHARAN HARTA
1) Mesyuarat Pengisytiharan Harta dan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan dan Sistem Munazzim
2) Staf Akademik 2 kali setahun
3) Staf Pengurusan dan Profesional 2 kali setahun Staf Sokongan 2 kali setahun |